



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2018:  
PERCUBAAN PENTAKSIRAN TINGKATAN 3

Bahasa Melayu

Ujian Bertulis

2 Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

02

Bahasa Melayu

**Arahan:**

1. Buka kertas soalan ini apabila diberitahu.
2. Tulis **nama** dan **angka giliran** anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
4. Kertas soalan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Nama Pemeriksa:		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	8	
2	3	
3	10	
4	4	
5	10	
6	10	
7	10	
8	15	
9	30	
Jumlah	100	

NAMA: .....

ANGKA GILIRAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Kertas soalan ini mengandungi **19** halaman bercetak.

**Arahan:** *Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan Bahagian D.*

### BAHAGIAN A

[25 markah]

1. *Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Gariskan kesalahan **bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Anggota tentera itu sedang menyandang sebatang senapang ketika menjalankan tugas di sempadan negara.

---

(ii) “Baginda ingin beradu sekarang kerana hari sudah larut malam,” titah Sultan kepada para pegawai istana.

---

(iii) Novel itu telah dikaji oleh kami sebagai persediaan bagi menghadapi peperiksaan tidak lama lagi.

---

(iv) Dalam memastikan kestabilan politik serantau, Malaysia telah menjalinkan hubungan yang baik dengan lain-lain negara.

---

[8 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda **tidak** perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Encik Muhammad Yusoff telah dilantik sebagai setiausaha dan ditugaskan untuk mencatat minit mesyuarat tersebut.

---

(ii) Puan Siti Aafiyah meminta suaminya membeli barang keperluan dapur yang dijual di pasaraya yang tersohor di bandar ini.

---

(iii) Beberapa naskah akhbar terbitan tahun 70-an dan majalah lama masih ada dalam simpanan nenekku.

---

[3 markah]

3. Tukar **ayat majmuk** di bawah menjadi **dua ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asalnya.

(i) Majlis rumah terbuka itu meriah kerana terdapat pelbagai juadah disediakan.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

(ii) Mariam tidak terbaca novel yang tebal itu.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

(iii) Banglo itu baru sahaja siap dan belum ada penghuninya.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

(iv) Saya suka belajar Bahasa Perancis manakala adik saya suka belajar Bahasa Jepun.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

(v) Mereka melompat-lompat di tepi koridor sambil menjerit dengan kuat.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

[10 markah]

4. *Baca ayat di bawah dengan teliti, kemukakan peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam ayat tersebut.*

(i) Firasz akhirnya pulang ke Malaysia setelah bekerja selama 15 tahun di luar negara dan tidak akan kembali ke negara tersebut semula.

\_\_\_\_\_

(ii) Setelah beberapa jam adik berkurung di dalam bilik kerana tidak puas hati akan sikap tegas kakaknya, dia akhirnya berbaik dengan kakaknya itu semula.

\_\_\_\_\_

[4 markah]

## BAHAGIAN B

[30 markah]

5. *Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Maka apabila sampailah dekat kepada kampung orang, apabila orang yang empunya kampung itu melihat akan dia maka diusirnyalah dengan kayu. Maka Si Miskin itu pun larilah ia ke pasar. Maka dilihat oleh orang pasar akan Si Miskin itu datang, maka masing-masing melempari dengan batu, dan kayu dibuatnya pelontar. Maka ia pun larilah dan tubuhnya pun habislah bengkak-bengkak berlumuran darah. Ia pun menangis berseru-seru sepanjang jalan dengan sangat laparnya dan dahaga seperti akan matilah rasanya.

Maka ia pun bertemu dengan tempat orang membuang sampah di tengah jalan raya itu. Maka ia pun berhentilah ia di situ. Maka dicarinyalah di dalam sampah yang bertimbun-timbun itu barang yang dapat dimakan. Maka dengan takdir Allah Taala maka bertemulah ketupat sebiju basu dengan buku tebu. Maka dimakannya ketupat itu laki bini. Setelah sudah dimakannya ketupat itu maka barulah dimakannya tebu itu. Maka adalah segar sedikit rasa tubuhnya kerana beberapa hari lamanya tiada merasai nasi. Hendak meminta ke rumah orang tidak berani. Usahkan diberi orang hampir pun tiada boleh. Demikian halnya Si Miskin itu.

Maka hari pun petanglah. Maka Si Miskin itu tiada undur dari situ lagi. Di sanalah ia tidur. Maka hari pun sianglah. Maka pagi-pagi hari maka Si Miskin pun pergi berjalan dua laki isteri maka bertemulah dengan orang. Maka dilihatnya Si Miskin itu segera mereka mengambil kayu. Maka dilontarnya dan dipalunya Si Miskin dua laki isteri itu. Maka ia pun larilah membawa dirinya dengan berlumuran darah. Maka kata isterinya, "Wahai kakanda, sangatlah rasa tubuhku tiada berdaya lagi, hancurlah segala anggotaku."

Maka terlalu belas rasanya hati suaminya melihat laku isterinya maka ia pun turut menangis seraya mengambil daun kayu, dimandikannya maka disapunya seluruh tubuh isterinya sambil berkata, "Diamlah tuan, jangan menangis. Sudahlah untung kita ini rupanya." Maka isterinya pun diamlah.

(Dipetik daripada prosa tradisional "Bahagia Sesudah Derita" dalam antologi *Bintang hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- i) Berdasarkan petikan di atas, apakah yang berlaku kepada Si Miskin apabila dia dilempari batu dan kayu oleh orang-orang di pasar?

[3 markah ]

---

---

---

- ii) Nyatakan **dua** perwatakan Si Miskin yang terdapat dalam prosa tersebut.

[3 markah ]

---

---

---

---

- iii) Nilai kasih sayang amat penting dalam kehidupan manusia.  
Pada pendapat anda, apakah kesan yang akan berlaku sekiranya nilai kasih sayang tidak wujud dalam kalangan masyarakat di negara kita ?

[4 markah ]

---

---

---

---

---

6. Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Kuingin Berterima Kasih

Sesekali kuingin berterima kasih  
Kepadamu hujan bagai tetamu  
Jiwa pun menjadi dingin  
Api amarah pun terpadam.

Sesekali kuingin menyemai budi  
Kepadamu tanah yang hidup  
Kerana perutmu setia menghamilkan  
Rezeki buat petani.

Sesekali kuingin berbisik kepadamu  
Ikan-ikan yang riang  
Liar di belantara samudera  
Kerana sudi membebaskan derita  
Nelayan tua di pondoknya.

Sesekali kuingin kalungkan kagum  
Kepadamu pejuang negara  
Kerana tanganmu pernah berdarah  
Darah kesetiaan seorang warga  
Kepada watan tercintanya.

Sesekali kuingin pula menjadi bunga  
Menebarkan keharuman  
Di taman-taman keresahan hidup  
Menyerahkan keinsafan  
Kepada keangkuhan perang

Alangkah indahnyanya dunia  
Andai semua merenung  
Kekosongan hidup ini.

( Dipetik daripada sajak, "Kuingin Berterima Kasih", antologi Kuingin Berterima Kasih,  
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)



i) Apakah yang dimaksudkan dengan rangkap keempat sajak di atas ?

[3 markah ]

---

---

---

---

ii) Jelaskan **dua** unsur bunyi berserta contoh yang terdapat dalam sajak tersebut.

[ 3 markah ]

---

---

---

---

iii) Generasi muda sekarang lebih berminat untuk mencari pekerjaan di bandar berbanding dengan bekerja sebagai petani atau nelayan di kampung.

Pada pendapat anda, apakah kelebihan bekerja di bandar?

[ 4 markah ]

---

---

---

---

---

7. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 3**.

- (i) Hempasan Ombak, karya Zailiani Taslim
- (ii) Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya
- (iii) Justeru Impian di Jaring, karya Zaid Akhtar
- (iv) Chot, karya Azizi Haji Abdullah

Persoalan ialah mesej yang ingin disampaikan oleh penulis bagi menyokong dan memperkukuh tema yang cuba diketengahkan oleh penulis.

Berdasarkan sebuah daripada novel di atas, buktikan pernyataan tersebut dengan mengemukakan **tiga** contoh peristiwa yang sesuai dengan **tiga** persoalan yang telah ditetapkan.

<b>Hempasan Ombak</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persoalan cabaran dalam dunia perniagaan</li> <li>• Persoalan kesederhanaan dalam kehidupan</li> <li>• Persoalan kasih sayang sesama ahli keluarga</li> </ul>
<b>Tawanan Komander Caucasus</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persoalan ketabahan dalam menghadapi dugaan</li> <li>• Persoalan hidup saling membantu</li> <li>• Persoalan tanggungjawab ibu bapa kepada anak-anak</li> </ul>
<b>Chot</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persoalan kesungguhan dalam menuntut ilmu</li> <li>• Persoalan penduduk kampung yang mengamalkan semangat bermasyarakat</li> <li>• Persoalan tanggungjawab seorang anak terhadap ibu</li> </ul>
<b>Justeru Impian di Jaring</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persoalan kesabaran dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab</li> <li>• Persoalan kasih sayang seorang anak terhadap ibunya</li> <li>• Persoalan berpendirian teguh dalam hal berpakaian</li> </ul>

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN C

[15 Markah]

8. *Lihat kempen di bawah dengan teliti. Kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.*

**EKSPO**  
**BELI BARANGAN MALAYSIA**  
**21 – 22 JULAI 2018**  
**DEWAN 4 & 5 PUSAT KONVESYEN KUALA LUMPUR**

**BELI BARANGAN MALAYSIA**



**BUATAN MALAYSIA  
PILIHANBIJAK**



**Pengguna Bijak**  
*Faedahnya banyak!*

Pelbagai aktiviti menarik disediakan.

- Jualan dan Pameran
- Demonstrasi Produk
- Lelongan Amal
- Pertunjukan Fesyen
- Hadiah Pengunjung Bertuah

(15 Markah)

---

---

---

---

---

---

---

---

---



## BAHAGIAN D

[30 Markah]

9. Teliti **semua** soalan karangan yang berkait dengan tema yang diberikan di bawah. Kemudian pilih **satu daripada tiga soalan** tersebut dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

## BENCANA ALAM



- (i) Baru-baru ini kawasan di tempat tinggal anda telah dilanda banjir.

Tulis pengalaman anda membantu mangsa banjir semasa dan selepas bencana tersebut.

- (ii) Bencana alam seperti banjir, ribut taufan dan tanah runtuh sering kali melanda negara kita.

Huraikan pendapat anda tentang cara-cara membantu mangsa bencana alam.

- (iii) Persatuan Bulan Sabit Merah telah ditugaskan untuk membantu mangsa banjir di pusat penempatan mangsa banjir di sekolah anda.

Sebagai setiausaha Persatuan Bulan Sabit Merah sekolah, anda diminta menyediakan laporan tentang aktiviti bantuan kepada mangsa banjir tersebut. Tulis laporan tersebut selengkapnya.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---



---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

